

**PERSEPSI PELAJAR TINGKATAN EMPAT DI
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN WESTON,
BEAUFORT, TERHADAP PENGGUNAAN AKHBAR
DAN MAJALAH DALAM PENULISAN KARANGAN.**

SARIFAH BINTI ABDULLAH



**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

UMS

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007**

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa kertas kajian ini adalah merupakan hasil kerja dan usaha saya sendiri. Segala nukilan, ringkasan, dan rujukan tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(SARIFAH BINTI ABDULLAH)

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)_____
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kertas kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya dengan izin-Nya jua yang telah memberikan kesihatan, petunjuk idea, bimbingan dan bantuan dari pelbagai pihak, merupakan elemen penting untuk menyempurnakan penulisan ini.

Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Puan Hj. Siti Katijah Hj. Johari, selaku penyelia bagi kertas kajian ini kerana telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar yang sangat berguna untuk meningkatkan kualiti penulisan dalam kajian ini. Sesungguhnya, sikap profesionalisme beliau telah meniupkan semangat juang dan komitmen untuk menyempurnakan tugas ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama dan sokongan padu di sepanjang kajian melalui borang soal selidik dijalankan dan seterusnya membantu dalam menyumbang maklumat berguna bagi menyempurnakan penulisan kajian ini. Rasa terima kasih ini juga ditujukan kepada semua rakan sepengajian dan teman sejawat, serta pihak pentadbir sekolah yang telah menunjukkan keprihatinan dan sokongan padu untuk menyempurnakan program kesarjanaan ini.

Akhir sekali, tetapi yang amat bermakna dan istimewa, penghargaan ini juga ditujukan khas kepada suami dan anak tercinta, yang telah memberikan sokongan moral, kasih sayang, dan pengertian yang amat dalam. Tanpa ini semua, tidak mungkin "laut yang dalam dapat direnangi" dan "semangat yang jitu di dada dapat dipertahankan". Sesungguhnya, perjuangan memperkaya ilmu dan tahap profesionalisme khususnya secara separuh masa ini, merupakan suatu pengalaman yang indah tetapi penuh dengan dugaan dan cabaran yang perlu dihadapi dengan tenang dan tabah.

Terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memperoleh maklumat tentang persepsi pelajar terhadap penggunaan akhbar dan majalah dalam penulisan karangan bagi pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Weston, Beaufort, Sabah. Seramai 30 orang pelajar Tingkatan Empat yang terdiri daripada pelajar aliran sains dan sastera telah dipilih sebagai responden kajian ini. Kajian ini dipersembahkan secara deskriptif atau huraian. Data dan maklumat diperoleh melalui borang soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan program "Statistical Package for Social Science" (SPSS), iaitu analisis statistik pekali korelasi Pearson dan Spearman Rho. Dapatan daripada soal selidik menunjukkan wujud respon positif terhadap kesesuaian penggunaan akhbar dan majalah, iaitu sebanyak 86.6% responden berpendapat akhbar dan majalah sesuai digunakan sebagai bahan rujukan dalam penulisan karangan. Sebanyak 96.7% responden bersetuju bahawa akhbar dan majalah memberi pendedahan dalam aspek ejaan dan perkataan baru, manakala sebanyak 80% responden bersetuju bahawa akhbar dan majalah dapat menunjukkan ketepatan dan kepelbagaian struktur ayat. Analisis secara korelasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan akhbar dan majalah dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan dengan nilai $r = .370$, $p < .05$. Hubungan yang signifikan juga dapat dilihat antara penggunaan akhbar dan majalah dengan kemahiran menulis struktur ayat iaitu dengan nilai $r = .441$, $p < .05$. Dapatan mengenai sikap dan persepsi pelajar terhadap penggunaan akhbar dan majalah juga mendapati sebanyak 63.3% menyatakan bahawa mereka gemar dan kerap merujuk akhbar dan majalah dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran menulis isi, memperbaiki struktur ayat dan ejaan dalam penulisan karangan. Justeru itu, adalah dicadangkan agar penggunaan akhbar dan majalah dapat diperluas di peringkat sekolah terutamanya dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Mereka perlu didedahkan dengan pengetahuan tentang penggunaan akhbar dan majalah melalui bengkel-bengkel atau seminar pengurusan alat bantu mengajar. Pihak sekolah pula diharapkan dapat mengambil inisiatif dengan cara melanggan akhbar dan majalah agar semua pelajar mendapat faedah daripadanya. Walaupun pelbagai teknologi berdasarkan komputer digunakan ketika ini, fungsi akhbar dan majalah sebagai sumber maklumat masih sesuai, dan jika dimanfaatkan sepenuhnya mampu meningkatkan pengetahuan pelajar dalam subjek yang dipelajari.

ABSTRACT

THE PERCEPTION OF THE NEWSPAPERS AND MAGAZINE USAGES IN WRITING COMPOSITION BY THE FORM FOUR STUDENTS OF SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN WESTON, BEAUFORT, SABAH.

The study aim is to gather information about perception of the newspaper and magazine usages in writing composition of Form Four students Sekolah Menengah Kebangsaan Weston, Beaufort, Sabah. A number of 30 students Form Four of Science and Art Stream are chosen to be this study respondent. The study held using descriptive. Data and information collect from questionnaire. Data analyse by using "Statistical Package for Social Science" programme (SPSS), that is Pearson colleration multipliers statistic analysis and Spearman's Rho. The finding of questionnaire show positive respons to the suitable of using newspaper and magazine that is 86.6% respondent opinion newspaper and magazine used as reference in writing composition. At 96.7% respondent agreed newspaper and magazine give exposure to them in spelling and new words. While at 80% respondent agreed newspaper and magazine could show the accuracy and variety of sentence structure. Analysis using colleration show significant relation between using newspaper and magazine in improving writing skill with value $r = .370$, $p < .05$. The significant relation also seen between using newspaper and magazine with sentence structure writing skills with value $r = .441$, $p < .05$. The finding show that students attitude and perception of using newspaper and magazine is at 63.3% which show they are interested and often refer to newspaper and magazine in improving skills of writing content, improve sentence structure and spelling in writing composition. Thus, suggested newspaper and magazine use widely in school especially among teacher who teach Malay Language, They need to be exposing with knowledge for using newspaper and magazine through workshops or seminar management teaching aids. The school hopefully to take initiative by subscribing newspaper and magazine so students get benefit from it. Even though variety technology base in computer using widely, newspaper and magazine function as source of information still necessary and if the students take fully advantage of it, they could improve their knowledge in subject they are studying.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

TAJUK	i
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI SINGKATAN	xi
BAB 1 : PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Objektif Penilaian	13
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Kepentingan Penilaian	15
1.7 Definisi Konsep	19
Persepsi	19
Pelajar Sekolah Menengah	19
Penggunaan Akhbar dan Majalah	20
Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan	21
1.8 Batasan Kajian	23

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR	25
2.1 Pengenalan	25
2.2 Penilaian Kurikulum	25
2.3 Model-model Penilaian	27
2.4 Penggunaan Bahan Bantu Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	32
2.5 Kelemahan Dalam Penulisan Karangan	37
BAB 3 : METODOLOGI	42
3.1 Subjek	42
3.2 Sampel Kajian	42
3.3 Instrumen Kajian	43
3.4 Kesahan Instrumen	46
3.5 Prosedur Pengumpulan Data	46
3.6 Kaedah Analisis	46
BAB 4 : DAPATAN KAJIAN	49
4.1 Latar Belakang Responden / Ibu Bapa	49
4.2 Kesesuaian Penggunaan Akhbar dan Majalah dalam Penulisan Karangan	51
4.3 Kesesuaian Penggunaan Akhbar dan Majalah dalam Meningkatkan Penguasaan Ejaan dalam Penulisan Karangan	53
4.4 Kesesuaian Penggunaan Akhbar dan Majalah dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Struktur Ayat	54
4.5 Kesesuaian Penggunaan Akhbar dan Majalah dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Isi Karangan	55
4.6 Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Akhbar dan Majalah dalam Penulisan Karangan	56

4.7	Hubungan Antara Penggunaan Akhbar dan Majalah dengan Faktor Sosioekonomi (SSE)	58
4.8	Hubungan Antara Penggunaan Akhbar dan Majalah dengan Faktor Sumber (Kebolehdapatan Bahan)	60
4.9	Kesimpulan	61
BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN		63
5.1	Penggunaan Akhbar dan Majalah: Kesesuaian dan Kepentingan Dalam Peningkatan Prestasi Penulisan Karangan Pelajar	63
5.2	Kesimpulan	70
5.2	Cadangan	71
5.3	Penutup	77
BIBLIOGRAFI		80
LAMPIRAN		
A	BORANG SOAL SELIDIK	85
B	SURAT KELULUSAN MENJALANKAN KAJIAN	90



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

JADUAL		MUKA SURAT
1	Takrifan Penilaian Kurikulum	26
2	Interpretasi Dalam Analisis Korelasi	48
3	Kesesuaian Penggunaan Akhbar dan Majalah dalam Penulisan Karangan	51
4	Hubungan Antara Penggunaan Akhbar dan Majalah dengan Penguasaan Ejaan dalam Penulisan Karangan	53
5	Hubungan Antara Penggunaan Akhbar dan Majalah dengan Kemahiran Menulis Struktur Ayat	54
6	Hubungan Antara Penggunaan Akhbar dan Majalah dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Isi Karangan	55
7	Persepsi Responden Terhadap Kesesuaian Penggunaan Akhbar dan Majalah dalam Penulisan Karangan	57
8	Hubungan Antara Penggunaan Akhbar dan Majalah dengan Faktor Sosioekonomi	59
9	Hubungan Antara Penggunaan Akhbar dan Majalah dengan Faktor Sumber (Kebolehdapatan Bahan)	60

SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat Bantu Mengajar
BBM	Bahan Bantu Mengajar
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
SPSS	Statistical Package for Social Science
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
p	Aras keyakinan
r	Pekali korelasi sampel Pearson
rs	Pekali korelasi sampel Spearman Rho
<	Lebih kecil daripada
N	Bilangan sampel
f	Kekerapan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan di negara ini bertujuan untuk menjadikan pelajar sebagai manusia yang berilmu, berakhlak tinggi, dan kreatif. Justeru itu, pelbagai cara diwujudkan supaya situasi belajar menjadi lebih menarik dan pelajar pula tidak akan merasa jemu menimba ilmu. Pendidikan dan pengajaran yang mementingkan interaksi aktif di antara guru dan pelajar dapat dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai alat bantu.

Penggunaan bahan bagi pengajaran merupakan komponen penting dalam proses pembelajaran. Jika dilihat kepada pendekatan sistem dan proses komunikasi, bahan pengajaran merupakan bahagian yang padu dalam proses tersebut. Dalam konteks ini, pendekatan sistem dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) akan menentukan kesemua sumber pembelajaran yang akan digunakan dan disediakan dapat diatur dan dimuatkan secara terperinci dan rapi dalam pengajaran guru. Penggunaan bahan sesungguhnya dapat menambah kelancaran perhubungan antara guru dan pelajar, dan pelajar dengan pelajar. Selain itu, kaedah ini akan dapat membantu pemahaman pelajar agar objektif pengajaran dapat dicapai dengan berkesan.

Pembelajaran efektif dikatakan dapat dicapai jika ianya melibatkan serentak semua pancaindera, iaitu pendengaran, penglihatan, sentuhan, penghiduan, dan deria rasa. Umumnya, penglibatan kesemua deria ini hanya akan berlaku secara serentak jika pelbagai media digunakan dengan wajar dalam penyampaian sesuatu pengajaran. Haji Zainal Abidin Hj. Ahmad (1983) telah menyatakan bahawa, dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, penglibatan deria penglihatan adalah sebanyak 83 %, pendengaran 11.0 %, bau 3.5 %, sentuhan 1.5 %, dan rasa 1.0 %. Adalah menjadi tabii manusia yang banyak bergantung kepada dua pancaindera utama iaitu, penglihatan dan pendengaran. Maka dengan penggunaan alat bantu yang disediakan oleh guru pastinya dapat memanfaatkan kedua-dua pancaindera utama tersebut dengan berkesan.

Proses P&P dalam pembelajaran bahasa pada dasarnya melibatkan sekurang-kurangnya lima kemahiran yang perlu dipelajari. Antaranya termasuklah kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, dan kemahiran tatabahasa. Dalam hal ini, penggunaan alat bantu mengajar (ABM) yang melibatkan berbagai-bagai pancaindera sangat memberikan kesan. Oleh itu, kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa terdapat hubungan yang mantap antara ABM dengan jenis-jenis kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa.

Dalam pengajaran, bahan berfungsi sebagai fokus utama yang menyebabkan proses P&P itu berlaku. Bahan pengajaran akan menjadi teras untuk semua aktiviti P&P. Selain itu, bahan pengajaran akan menjadi panduan dan sempadan yang membolehkan guru mengawal aktiviti P&P di dalam kelas.

Oleh yang demikian, bahan pengajaran merupakan komponen utama dalam proses P&P, khususnya dalam pengajaran Bahasa Melayu. Bahan menjadi fokus dan kerangka yang dapat memandu aktiviti dalam proses P&P dan seterusnya bahan dapat menentukan sama ada objektif pengajaran itu tercapai atau sebaliknya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara kita adalah bertujuan untuk menjadikan pelajar sebagai seorang insan yang berilmu, berakhlak tinggi dan kreatif. Dengan itu, pelbagai cara diwujudkan supaya situasi belajar menjadi lebih menarik dan pelajar tidak berasa jemu untuk menimba ilmu.

Proses P&P yang menggunakan alat dan bahan yang sesuai dan menarik amat wajar agar pelajaran yang telah dirancang dapat disampaikan dengan lebih berkesan. Dalam pengajaran Bahasa Melayu, ABM atau bahan bantu mengajar (BBM) menjadi faktor penting untuk menjamin keberkesanan dan kejayaan pengajaran, sekali gus dapat merangsang keinginan pelajar untuk mengetahui sesuatu.

Menurut Mohd Nor Husin dan Ab. Rashid (1998), penggunaan ABM yang sesuai dan menarik dalam pengajaran adalah penting kerana ia dapat meningkatkan kejayaan pembelajaran lebih-lebih lagi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. ABM juga boleh

menimbulkan rangsangan dan keinginan pelajar untuk mengetahui lebih mendalam akan sesuatu aspek pengajaran dan menjadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan.

Seorang pakar pendidikan, Dale, dalam Izani Hj. Daud (1999), menggariskan tujuh kepentingan penggunaan BBM iaitu:

- i. Merangsang minat yang tinggi dalam kalangan pelajar.
- ii. Menyediakan satu dasar kukuh untuk perkembangan kefahaman dan corak pemikiran dan oleh itu mengurangkan pelbagai gerak balas lisan daripada pelajar.
- iii. Membekalkan satu dasar untuk perkembangan pembelajaran pelajar dan oleh itu menjadikan pembelajaran mereka lebih kekal.
- iv. Menyediakan pengalaman yang tidak dapat diperoleh dengan mudahnya melalui cara-cara lain.
- v. Menolong dalam kefahaman dan oleh itu mempercepat perkembangan kegiatan seseorang pelajar.
- vi. Menawarkan pengalaman yang sebenar dan dengan demikian merangsangkan kegiatan seseorang pelajar.
- vii. Mendorong pelajar untuk menyiasat dan dengan demikian menambahkan bacaan sukarela.

Berdasarkan apa yang dikatakan oleh Dale, nyatalah bahawa BBM berkeupayaan untuk menanamkan minat dan memperkembangkan minda pelajar. Selain itu, BBM juga

boleh memberikan keseronokan kepada pelajar kerana dengan penggunaan BBM pelajar akan terbawa kepada suatu situasi yang terkeluar daripada suasana pembelajaran biasa dan seterusnya dapat menghindarkan pelajar daripada rasa bosan dan jemu untuk belajar.

Menurut Atan Long (1982), ABM terdiri daripada pelbagai bahan dan ianya dapat disampaikan dengan pelbagai cara. Bahan ini sama ada boleh didapati dalam bentuk buku, carta atau slaid. Dalam konteks ini, guru mempunyai banyak pilihan tetapi bahan yang hendak digunakan mestilah mengambil kira kesesuaiannya dengan tahap pengetahuan dan pengalaman pelajar. Guru boleh memilih bahan yang berat bagi kumpulan pelajar yang cerdas dan pemberatan bahan boleh dikurangkan bagi kumpulan pelajar yang lemah.

Penggunaan ABM dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan idea dan kreativiti seorang guru. Kemahiran-kemahiran berbahasa seperti mendengar dan bertutur, menulis, membaca dan tatabahasa merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar. Oleh yang demikian, penggunaan ABM, sebagaimana yang dinyatakan oleh Baharum Hj. Sulaiman (1996), adalah berdasarkan beberapa objektif, antaranya termasuklah:

- i. Untuk menyediakan asas yang kukuh apabila memperkenalkan sesuatu konsep supaya lebih jelas.
- ii. Untuk memberi pengalaman yang sebenar di samping memberi perangsang dan motivasi untuk membuat aktiviti sendiri dengan lebih yakin dan berani

- iii. Untuk menarik minat pelajar mengikuti pelajaran tanpa berasa jemu melalui pelbagai variasi dalam menimba ilmu.
- iv. Untuk mengekalkan ingatan pelajar terhadap pelajaran yang dipelajari, seperti yang selalu dinyatakan dalam kata-kata yang berbunyi:
 - Saya dengar, saya lupa,
 - Saya lihat, saya ingat,
 - Saya buat, saya tahu / faham.
- v. Untuk merangsang pemikiran pelajar yang berterusan terutama dengan penggunaan peralatan yang bergerak daripada media elektronik seperti filem, pita video dan objek-objek bergerak yang lain.
- vi. Untuk mengembangkan minda pelajar terutamanya yang berkaitan dengan pemahaman dan perluasan perbendaharaan kata.

Salah satu daripada alat bantu mengajar yang boleh digunakan dalam pembelajaran bahasa khususnya dalam pengajaran menulis karangan ialah melalui penggunaan akhbar dan majalah. Penggunaan akhbar dan majalah ini adalah bertujuan untuk menarik perhatian para pelajar memahami pelajaran. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Izani Hj. Daud (1999), pengalaman sebagai pendidik yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu Tingkatan Empat dan Lima menunjukkan bahawa keratan rencana pengarang akhbar boleh dimanfaatkan dan memberikan kesan dalam aktiviti lisan, penulisan karangan dan tatabahasa .

Kajian-kajian yang telah dijalankan di Malaysia mendapati bahawa pelajar gemar membaca surat khabar berbanding dengan bahan bacaan yang lain. Hasil kajian Mohd. Zainuddin Hashim (1982) dalam Mat Nor Husin & Ab. Rahman bin Hj. Ab. Rashid (1988) mendapati bahawa, selain buku teks dan nota sekolah, pelajar cenderung dan sering membaca surat khabar. Hal ini mungkin kerana bahan bacaan itu murah dan mudah didapati. Di samping itu, berita, rencana, gambar dan pelbagai maklumat lain dalam akhbar boleh digunakan untuk mengasah dan mempertajam fikiran pelajar.

Atan Long (1982) menyatakan surat khabar dan majalah banyak mengandungi maklumat yang berguna. Maklumat-maklumat ini boleh dikumpulkan oleh pelajar dan dilekatkan pada papan kenyataan dan disimpan dalam "buku berita". Akhbar juga berperanan sebagai pendidik dan penggalak kerana mempunyai ruang-ruang khas yang menyiarkan rancangan pelajaran dan tunjuk ajar.

Hoban, Finn dan Dale dalam Mat Nor Husin dan Ab. Rahman Ab. Rashid (1989), menjelaskan kepentingan ABM yang digunakan dengan betul dan sesuai dalam P&P, akan mencapai objektif-objektif seperti yang berikut:

- i. ABM menyediakan satu asas yang kuat untuk sesuatu konsep.
- ii. ABM menjadi daya penarik yang penting untuk pelajar.
- iii. ABM menghasilkan pembelajaran yang lebih kekal.
- iv. ABM memberi pengalaman sebenar yang boleh merangsang aktiviti sendiri dalam kalangan pelajar.
- v. ABM membina pemikiran yang berterusan, terutama melalui penggunaan filem- filem bergerak.

- vi. ABM membantu pemahaman dan perkembangan perbendaharaan kata pelajar.
- vii. ABM membantu menyediakan pengalaman yang tidak boleh diperoleh melalui bahan lain dan menjadikan pembelajaran lebih mendalam dan beragam.

Penggunaan akhbar sebagai bahan rasmi telah dipelopori oleh Kumpulan Akhbar The New Straits Times pada tahun 1985. Memandangkan banyaknya faedah yang mungkin diperoleh daripada pembacaan akhbar, kaum guru sedar akan potensi akhbar sebagai salah satu sumber yang baik dan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Dalam pengajaran aspek tulisan (karangan) misalnya, potongan akhbar boleh dijadikan sebagai bahan untuk menarik minat pelajar sebelum pengajaran itu dimulakan. Potongan akhbar yang mengandungi gambar-gambar kemalangan jalan raya, banjir atau kebakaran boleh dijadikan sebagai bahan rangsangan kerana selepas pelajar melihat gambar tersebut guru boleh meminta pelajar menulis karangan yang ada kaitannya dengan gambar-gambar tersebut (Mat Nor Hussin & Ab. Rahman Ab. Rashid, 1988).

Penggunaan pelbagai media dalam pendidikan di negara kita bermula sejak tahun 50-an, namun jenis media yang digunakan agak terhad. Bermula pada tahun 1971, konsep teknologi pendidikan berkembang dengan penubuhan Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sesungguhnya situasi pengajaran dan pembelajaran semakin kompleks dan memerlukan guru untuk menggunakan ABM untuk memudahkan kefahaman pelajar

terutamanya ketika menjelaskan idea dan konsep yang sukar. Kajian yang dilakukan oleh Harvard Business School seperti yang dinyatakan oleh Rosemary Khoo (1980), menunjukkan bahawa otak manusia menerima maklumat melalui 5 deria pada kadar yang berlainan. Deria tersebut ialah rasa (1%), sentuh(1.5%), bau(3.5%) dengar (11%) dan lihat (83%). Hal ini menunjukkan corak pengajaran yang memerlukan para pelajar melihat atau menggunakan ABM merupakan kaedah yang paling berkesan dalam penyampaian maklumat. (Mohd. Azidan Abdul Jabar, 1999).

Ibarat irama dan lagu yang tidak dapat dipisahkan, demikianlah halnya dengan bahan pengajaran dalam proses P&P. Pada asasnya, bahan boleh merangkumi apa-apa sahaja benda, alat, atau media yang dapat digunakan oleh guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru bahasa yang kreatif akan mengambil inisiatif dan memikirkan bahan pengajaran yang sesuai dengan pelajar bagi menarik minat mereka terhadap mata pelajaran bahasa.

1.3 Pernyataan Masalah

Kurikulum Bahasa Melayu memberi tumpuan dalam membina kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar serta menggunakannya dengan berkesan sebagai alat untuk memperkaya ilmu dan alat komunikasi. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu merangkumi asas berbahasa iaitu kemahiran mendengar dan bertutur , membaca dan penulisan serta aspek bahasa yang menitikberatkan penaakulan dan penggunaan tatabahasa yang betul.

Penggunaan bahasa Melayu yang semakin meluas dan sesuai dengan statusnya sebagai bahasa merentas kurikulum, maka penekanan harus diberikan kepada penggunaan bahasa Melayu yang lebih bermutu. Oleh itu, bahasa Melayu perlu dikuasai dari peringkat awal lagi untuk memudahkan pelajar mengikuti semua mata pelajaran yang lain.

Penulisan karangan merupakan salah satu aspek penting yang diajarkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Bagi pelajar sekolah menengah, perkara ini merupakan kesinambungan daripada kemahiran menulis yang dipelajari daripada kemahiran menulis yang dipelajari sekolah rendah. Oleh hal yang demikian, pelajar sekolah menengah atas khususnya, seharusnya dapat menghasilkan karangan yang bermutu. Meskipun demikian, perkara ini tidak mampu dilaksanakan oleh kebanyakan pelajar, walaupun berbagai-bagai kaedah dan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran diaplikasikan di bilik-bilik darjah.

Mengarang adalah satu kemahiran yang sangat kompleks dan memerlukan masa yang lama untuk mencapai hasil yang baik. Perihal pelajar tidak dapat membuat karangan dengan baik selalu sahaja diperkatakan oleh beberapa pihak. Kegagalan pelajar menyampaikan isi karangan dengan berkesan merupakan masalah yang sudah dianggap *klise* (Nawi Ismail, 1994). Menurut beliau, masalah ini sering diperkatakan oleh guru Bahasa Melayu khususnya, dan ini diakui oleh kebanyakan pelajar. Sebilangan pelajar pula masih dibelenggu oleh masalah ini walaupun mereka sudah berada di peringkat pendidikan yang lebih tinggi. Lantaran itulah penyampaian isi karangan pelajar

"tidak menentu", "longgar", dan kadang kala terkeluar daripada landasan yang sepatutnya, sekali gus menjadikan karangan yang sedemikian kurang berkesan dan tidak berkualiti.

Guru bahasa yang kreatif biasanya akan berusaha dan memikirkan bahan pengajaran yang sesuai digunakan bagi menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran bahasa. Kalau dahulu guru lebih bersikap "*one man show*" di hadapan bilik darjah, namun sekarang ianya sudah berlalu, kerana zaman pendidikan sekarang mementingkan interaksi yang aktif di antara semua pihak yang terlibat (Nawi Ismail, 1994). Kaedah pengajaran yang hanya guru sebagai penyampai menyebabkan pengajaran menjadi tidak bermakna kepada pelajar. Keadaan ini menyebabkan suasana belajar menjadi lembab dan menjemukan.

Proses pengajaran dan pembelajaran yang banyak tertumpu kepada guru atau "*teacher centred*" menjadikan guru yang banyak bercakap, yang aktif menyampaikan pengajaran dengan berceloteh, bersyarah, memberi taklimat dan memberi penerangan, pelajar dikehendaki mendengar sahaja dengan tertib. Guru akan terus bercakap, sambil sesekali menulis sesuatu di papan hitam ; kaedah ini dipanggil sebagai "*chalk and talk*". Pengajaran dan pembelajaran yang berbentuk satu hala ini menjadikan pelajar tidak aktif dan bersifat pasif, takut, dan berasa bosan, tetapi terpaksa terus mengikuti pelajaran. Kaedah ini menjadikan pelajar yang cuba bertanyakan sesuatu atau memberikan pendapat yang salah terus dimarahi dan membantutkan lagi proses pembelajaran di dalam kelas.

Bagi menjadikan suasana pembelajaran lebih menarik serta dapat menimbulkan rangsangan dan minat para pelajar, penggunaan ABM adalah penting. Menurut Mat Nor Hussin dan Ab. Rahman Ab. Rashid (1988), dalam P&P penulisan karangan, bahan-bahan bantu mengajar haruslah dikawal dari segi bahasa, gaya dan pendekatannya. Bahan-bahan ini harus dikaji dan dicuba kesesuaiannya sebelum digunakan.

Dale (1964) dalam Bustam Kamri (1990), telah merumuskan secara kasar bahawa pengalaman belajar manusia boleh dibahagikan kepada tiga iaitu:

- i. pengalaman langsung (*direct experience*)
- ii. pengalaman rekaan (*contrived/vicarious experience*) dan;
- iii. abstrak / generalisasi (dengan menggunakan bahasa)

Menyedari hakikat ini maka kaedah pengajaran dan pembelajaran memerlukan kepelbagaian aktiviti dan bahan sebagai ABM. Semakin banyak dipelbagaikan aktiviti pengajaran, maka semakin mudah para pelajar untuk mengikuti pelajaran. Sehubungan itu, banyak penyelidik bahasa berpendapat bahawa bahan rangsangan mempunyai peranan dan kaitan dalam perkara ini.

Koh Boh Boon (1981), menjelaskan penggunaan bahan rangsangan dalam pengajaran kemahiran menulis berupaya menggerakkan minda pelajar ke arah apa yang ditulis, di samping dapat menimbulkan minat dalam kalangan mereka untuk menulis. Manakala menurut Khairiah Ahmad (1980), menjelaskan sebelum seorang pelajar mengarang, pelajar perlu mengetahui tahu isi-isi yang hendak dikarang. Jadi salah satu kegiatan yang boleh diadakan dalam pelajaran karangan ialah kegiatan mencari isi

daripada bahan penulisan yang sedia ada di persekitaran guru dan murid, misalnya daripada buku teks, surat khabar, majalah dan buku-buku rujukan yang lain. Dengan ini isi karangan para pelajar akan lebih kaya, tepat dan bermakna.

Sehubungan itu, penyelidikan ini cuba menonjolkan sejauh manakah penggunaan akhbar dan majalah dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mampu menjadi lebih menarik, kondusif, aktif dan menyeronokkan, serta dapat merangsang minat pelajar untuk belajar dan sekali gus dapat membantu meningkatkan pencapaian penulisan karangan dalam kalangan pelajar.

1.4 Objektif Penilaian

Pelaksanaan kajian ini berlandaskan beberapa objektif penilaian sebagai garis panduan. Objektif penilaian ini adalah mencakupi penggunaan akhbar dan majalah dalam P&P Bahasa Melayu, khususnya dalam penulisan karangan para pelajar. Antara objektif kajian penilaian ini adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenal pasti kesesuaian penggunaan akhbar dan majalah dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan dari segi isi karangan , struktur ayat dan ejaan dalam kalangan pelajar.
2. Untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap penggunaan akhbar dan majalah dalam penulisan karangan .
3. Untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menghalang pengaplikasian akhbar dan majalah dalam penulisan karangan.